EVOLUSI DEKAD 7

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Terengganu



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

قرة قوستاكان چندكياون

"SUARA ILMU ASPIRASI CENDEKIAWAN"


JULAI

2026

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI

KUNJUNGAN HORMAT
PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN KE LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH)KETENGAH)

23 Julai 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran



DUNGUN, 23 Julai – Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu telah mengadakan sesi Kunjungan Hormat ke Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, KETENGAH pada 23 Julai 2026. Delegasi perpustakaan yang diketuai oleh Ketua Perpustakaan Cawangan, Puan Shahidatul Akhmam Rambeli, telah disambut mesra oleh Tuan Haji Abdul Halim Yusof, Pengurus Pentadbiran dan Sumber Manusia KETENGAH.

Pertemuan ini memfokuskan kepada penerokaan potensi kolaborasi yang meluas, merangkumi perkongsian maklumat, pembangunan modal insan, pemerkasaan komuniti, serta pemantapan sumber sosioekonomi dan keusahawanan bagi menyokong Repositori Keusahawanan UiTM. Pihak Perpustakaan Cendekiawan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak KETENGAH atas sambutan mesra yang diberikan, dengan harapan agar hubungan kolaboratif ini dapat terus diperkukuh demi menyumbang kepada pembangunan ilmu, keusahawanan, dan kesejahteraan masyarakat. Diharapkan hubungan yang terjalin ini akan terus diperkukuhkan melalui pelbagai inisiatif kolaboratif pada masa hadapan, sekali gus menyumbang kepada pembangunan ilmu, keusahawanan dan kesejahteraan komuniti.



Penerangan ringkas oleh Tuan Haji Abdul Halim Yusof kepada delegasi Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT



Sesi penyampaian cenderamata dari pihak Ketengah kepada Puan Shahidatul Akhmam Rambeli

SCAN ME



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI